

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 21  
RUANGAN : ISU

MEDIA

(FOTO AZIAH AZMEE/BH)



Kakitangan Media Prima menderma darah sempena Hari Kesedaran Kesihatan Pekerjaan di Balai Berita, Kuala Lumpur, semalam.

## Warga MPB manfaat Hari Kesedaran Kesihatan Pekerjaan

Kuala Lumpur: Kira-kira 500 kakitangan Media Prima Berhad (MPB) memanfaatkan Hari Kesedaran Kesihatan Pekerjaan di Balai Berita, di sini.

Acara tahunan diadakan sejak lima tahun lalu adalah anjuran Jabatan Sumber Manusia MPB.

Dianjur tiga kali setahun Menerusi objektif melahirkan pekerja yang sedar mengenai kesihatan pekerjaan, ia dianjurkan tiga kali dalam setahun.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan dalam acara sehari itu, antaranya ceramah kesihatan, oleh Pakar Ortopedik, Trauma dan Tulang Belakang, Hospital Pakar KPI, Ampang, Dr Chong Kuan Chor, menerusi topik Sindrom Carpal Tunnel.

Pemeriksaan kesihatan percuma dan program derma darah oleh Pusat Darah Negara turut diadakan dalam program itu.

Sambutan sama diadakan hari ini di Seri Pentas, Bandar Utama.

Fakta nombor

500 KAKITANGAN

Media Prima memanfaatkan Hari Kesedaran Kesihatan Pekerjaan

**AKHBAR : HARIAN METRO****MUKA SURAT : 71****RUANGAN : SETEMPAT**

Kuala Lumpur

**Kerajaan kawal selia fi profesional prosedur rawatan rapi pergigian swasta**

Kementerian Kesihatan sentiasa memantau dan mengawal selia fi profesional bagi prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta termasuk kos perubatan rawatan rapi, Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Menyatakan itu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam

berkata, sejak 2006 kementerian itu memantau kos perubatan di hospital swasta berbandarkan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2013.

Menurutnya, jadual itu memberi kuasa kepada kerajaan meletakkan harga

siling kepada fi profesional iaitu fi perundungan termasuk rawatan rapi dan tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada caj terlalu tinggi.

"Bagaimanapun, selain fi profesional, kementerian tidak mengawal kos bagi

penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti alat pakai buang, ujian makmal dan kos ubat," katanya ketika menjawab pernyataan Wong Chen (PKR Kelana Jaya) berkenaan langkah menangani kos perubatan rawatan rapi yang tinggi di hospital swasta.

Beliau berkata, langkah lain ialah membenarkan pesaku mengetahui kos sebelum rawatan dan menyemak semula Jadual Ketiga Belas dengan memasukkan nota tambahan bagi mengelakkan pengamal perubatan hospital swasta memanipulasi fi profesional.



DR Subramaniam